

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN AWANG B. HASHIM (PENDANG)

SOALAN

TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah fungsi dan struktur sistem keselamatan negara perlu disemak semula supaya lebih berkesan dalam menangani kes-kes seperti pelancong mati dibunuh, pelancong tidak pulang ke negara asal dan pelancong tidak dapat dikesan oleh imigresen sehingga terbina persepsi Malaysia tidak selamat untuk dilawati.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa memastikan setiap kemasukan warganegara asing di pintu-pintu masuk negara melalui sistem tapisan dan kawalan keselamatan meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara dan penyemakan identiti. Sistem tapisan dan kawalan keselamatan di pintu masuk yang berintegrasi dengan sistem MyIMMS adalah seperti berikut:

- (i) Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (*National Foreigners Enforcement and Registration System - NERS*);
- (ii) Sistem Pangkalan Data *Stolen and Lost Travel Documents* (SLTD)-INTERPOL; dan

SOALAN NO : 214

- (iii) Pelaksanaan Sekatan Perjalanan ke atas Suspek Pengganas yang dikenalpasti dalam pangkalan data Senarai Syak JIM.

Selain daripada sistem-sistem tersebut, pelancong dari negara-negara yang dikenakan syarat keperluan visa untuk masuk ke Malaysia wajib memohon dan memenuhi keperluan visa sebagai saringan awal (*early/pre-screening*) bagi mengelakkan pelancong-pelancong yang tidak dikehendaki dan tidak memenuhi kelayakan. Pihak JIM juga melaksanakan semakan silang (*cross checking*) dengan pangkalan data senarai syak (*Suspect List – SL*) sedia ada di dalam sistem MyIMMS sebelum pengeluaran visa di kedutaan / pejabat perwakilan Malaysia di luar negara.

Bagi memperkukuhkan lagi proses semakan dan tapisan keselamatan imigresen, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (*National Immigration Integrated System – NIISe*) untuk menggantikan dan menambah baik sistem imigresen sedia ada. Kementerian juga bercadang untuk melaksanakan proses tapisan/ saringan keselamatan awal ke atas semua penumpang atau pelancong ke negara ini melalui pelaksanaan *Advanced Passenger Information (API)* dan *Advanced Passenger Processing (APP)* sebagai sebahagian daripada tambahan ciri-ciri tapisan keselamatan dalam NIISe kelak.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain itu, pihak Kementerian juga memberikan perhatian yang khusus terhadap penglibatan warganegara asing yang berada di Malaysia dalam aktiviti-aktiviti jenayah. Gejala ini jika tidak dibendung boleh menimbulkan perasaan takut dan menyebabkan kegusaran kepada penduduk tempatan.

Secara keseluruhannya, bagi tahun 2016 penglibatan warga asing dalam Jenayah Indeks adalah seramai 13,110 orang, diikuti 11,441 orang pada tahun 2017, seramai 10,781 orang pada tahun 2018 dan seramai 7,119 orang bagi tahun 2019 iaitu pada tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2019.

SOALAN NO : 214

Dalam memastikan warga asing tidak terlibat dalam jenayah dan masalah sosial yang lain dari terus merebak dan boleh menjejaskan kerukunan dan keharmonian rakyat tempatan, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti berikut:

- (i) mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dan mengambil tindakan keras ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;
- (ii) mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai sarang-sarang sindiket dari semasa ke semasa;
- (iii) menyenarai hitam perempuan-perempuan warganegara asing yang dikenalpasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran;
- (iv) mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* oleh penyeludup-penyeludup yang membawa perempuan-perempuan warganegara asing untuk dijadikan pelacur dan penyeludupan dadah untuk tindakan pencegahan; dan
- (v) kerjasama yang erat di antara agensi-agensi penguatkuasaan lain juga memainkan peranan penting dalam membendung gejala tidak bermoral ini.